

Nombor Pelanggan: [padam jika tidak diperlukan]

Nombor Kontrak: [padam jika tidak diperlukan]

# Perjanjian Perkhidmatan Sygic Navigasi

Pelanggan bersetuju untuk memeterai Perjanjian Perkhidmatan Navigasi ini (selepas ini dirujuk sebagai **Perjanjian**) dengan:

Volvo Malaysia Sdn Bhd (No Pendaftaran: 291352V)

## 1 Objek Perjanjian

- 1.1 Tertakluk pada terma dan syarat Perjanjian ini dan dengan pembayaran yang dibuat oleh Pelanggan bagi harga dan caj lain yang dinyatakan dalam perjanjian ini, VOLVO TRUCKS menyediakan perkhidmatan 'Navigasi' (**Perkhidmatan**) untuk kenderaan(-kenderaan) yang diterima oleh Pelanggan pada Volvo Connect (**Kenderaan**).
- 1.2 Perkhidmatan menyediakan panduan navigasi kepada pemandu dalam Kenderaan.
- 1.3 VOLVO TRUCKS boleh membuat apa-apa perubahan kepada penyediaan Perkhidmatan ini yang diperlukan untuk mematuhi mana-mana syarat keselamatan, statutori atau kawal selia atau fungsi yang ditambah; atau yang tidak mempengaruhi kualiti atau prestasi Perkhidmatan ini secara material.
- 1.4 Dalam sesetengah keadaan, Pelanggan boleh berinteraksi dengan pengedar atau pengimport VOLVO TRUCKS berhubung pembelian Perkhidmatan ini. Pengedar atau pengimport boleh bertindak sebagai ejen VOLVO TRUCKS untuk penyediaan Perkhidmatan.

## 2 Harga untuk Perkhidmatan

- 2.1 Pelanggan hendaklah membayar harga untuk Perkhidmatan mengikut kes individu:
  - i. sebagai prapembayaran untuk tempoh tetap prabayar.
- 2.2 Semua pembayaran yang perlu dibuat oleh Pelanggan di bawah Perjanjian ini akan dibuat sepenuhnya tanpa apa-apa penolakan, sekatan atau syarat dan tanpa pemotongan untuk atau disebabkan oleh apa-apa tuntutan balas, dan kepada entiti VOLVO TRUCKS, pengedar atau pengimport sebagaimana yang dinyatakan pada invoice.
- 2.3 Harga untuk perkhidmatan hendaklah seperti yang dinyatakan pada Kedai Perkhidmatan Digital Volvo Connect (harga mungkin dikemaskinikan dari semasa ke semasa oleh Volvo dengan tarikh sah untuk harga baharu yang dinyatakan) dan, jika berkenaan, setelah ditolak diskauan seperti yang dipersetujui antara Pelanggan dengan VOLVO TRUCKS mengikut keadaan individu.
- 2.4 Sebagai tambahan kepada harga, Pelanggan hendaklah membayar harga untuk naik taraf perisian dan/atau perkakasan seperti yang diperlukan untuk fungsi Perkhidmatan, termasuk tidak terhad kepada peralatan telekomunikasi.
- 2.5 Jika apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah Perjanjian tidak dibayar pada

Nombor Pelanggan: [padam jika tidak diperlukan]

Nombor Kontrak: [padam jika tidak diperlukan]

waktunya, tanpa prasangka terhadap hak VOLVO TRUCKS yang lain di bawah Perjanjian ini, jumlah itu akan menanggung faedah dari tarikh pembayaran perlu dibuat sehingga pembayaran dibuat sepenuhnya, baik sebelum dan sesudah apa-apa penghakiman, pada kadar yang sama dengan kadar faedah 3 bulan Kadar Tawaran Antara Bank Stockholm (STIBOR).

### **3 Syarat khusus untuk langganan prabayar**

- 3.1 Untuk prapembayaran yang dipersetujui untuk tempoh tetap prabayar, syarat berikut terpakai:
- i. Untuk memanfaatkan tempoh prabayar, Kenderaan mesti didaftarkan dan diaktifkan pada Volvo Connect
  - ii. dalam tempoh satu tahun dari tarikh tempoh invois prabayar dikeluarkan.
  - iii. Tempoh langganan bermula pada hari pertama bulan berkenaan selepas perjanjian Perkhidmatan Navigasi diterima dalam Volvo Connect.
  - iv. Sepanjang tempoh langganan prabayar ini, invois bagi caj langganan tidak akan dikeluarkan untuk Kenderaan kepada Pelanggan berkenaan.
  - v. Caj yang berkaitan dengan Perkhidmatan atau penggunaan selain yang diliputi oleh yuran langganan (cth. Perkhidmatan tambahan), akan dikenakan dan dikeluarkan invois kepada Pelanggan.
  - vi. Selama tempoh prabayar, tiada pembayaran balik akan dibuat jika Pelanggan menghentikan mana-mana Perkhidmatan ini.
  - vii. Apabila tempoh langganan prabayar telah tamat, Perjanjian ini akan tamat secara automatik.
  - viii. Walau bagaimanapun, hal di atas tidak akan mempengaruhi kewajipan VOLVO TRUCKS untuk membuat pembayaran balik mengikut Perkara **Error! Reference source not found.** di bawah.

### **4 Sistem Maklumat**

- 4.1 Pelanggan sedar bahawa kenderaan yang dibuat, dibekalkan atau dipasarkan oleh syarikat dalam Kumpulan Volvo dilengkapi dengan satu atau lebih sistem yang boleh mengumpul dan menyimpan maklumat tentang kenderaan tersebut ("Sistem maklumat"), termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan keadaan dan prestasi kenderaan dan maklumat yang berkaitan dengan operasi kenderaan (bersama-sama,"Data Kenderaan"). Pelanggan bersetuju untuk tidak mengganggu operasi Sistem Maklumat ini dalam apa jua cara sekali pun.
- 4.2 Tanpa mengira apa-apa penamatatan atau tamat tempohnya Perjanjian ini, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa VOLVO TRUCKS boleh: (i) mengakses Sistem Maklumat pada bila-bila masa (termasuk akses jarak jauh); (ii) mengumpulkan Data Kenderaan; (iii) menyimpan Data Kenderaan pada sistem Volvo Group; (iv) menggunakan Data Kenderaan untuk menyediakan perkhidmatan kepada Pelanggan, serta untuk kegunaan perniagaannya sendiri atau tujuan perniagaan lain yang munasabah; dan (v) berkongsi Data Kenderaan dalam Kumpulan Volvo dan dengan pihak ketiga terpilih.

**Nombor Pelanggan:** [padam jika tidak diperlukan]

**Nombor Kontrak:** [padam jika tidak diperlukan]

- 4.3 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa mana-mana pemandu atau individu lain yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mengendalikan kenderaan: (i) menyedari bahawa maklumat peribadi yang berkaitan dengan mereka mungkin dikumpulkan, disimpan, digunakan, dikongsi atau sebaliknya diproses oleh VOLVO TRUCKS; dan (ii) dirujuk atau diberikan salinan notis privasi Kumpulan Volvo yang terpakai (boleh didapati di <https://www.volvolgroup.com/en-en/privacy.html>).
- 4.4 Pelanggan bersetuju untuk memberitahu VOLVO TRUCKS secara bertulis jika beliau menjual atau memindahkan hak milik Kenderaan tersebut kepada pihak ketiga.

## **5 Perjanjian Pengurusan Data**

- 5.1 Pelanggan mengakui bahawa Perjanjian Pengurusan Data, dilampirkan sebagai Lampiran 1 dan boleh didapati di laman web berikut: <http://tsadp.volvoltrucks.com/>, adalah sebahagian daripada Perjanjian ini dan bersetuju bahawa syarat perjanjian itu terpakai untuk mana-mana pemprosesan data di bawah Perjanjian ini.

## **6 Tempoh dan Penamatan**

- 6.1 Tempoh Perjanjian ini bermula pada tarikh perjanjian diterima oleh Pelanggan pada Volvo Connect.
- 6.2 Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa sehingga Kenderaan tersebut dibatalkan pendaftarannya oleh Pelanggan pada Volvo Connect. Perjanjian ini hendaklah tamat pada akhir bulan kalender yang pembatalan pendaftaran dibuat.
- 6.3 Perjanjian hendaklah tamat secara automatik jika Pelanggan memindahkan hak milik Kenderaan kepada pihak ketiga.
- 6.4 VOLVO TRUCKS boleh menamatkan Perjanjian ini dengan serta merta sekiranya Pelanggan melakukan pelanggaran Perjanjian secara material atau menjadi tak mampu bayar, muflis, atau menyertai apa-apa pengaturan dengan pemberi kredit atau apa-apa pengaturan atau situasi lain yang memberi kesan serupa atau Volvo boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis enam bulan.
- 6.5 Kegagalan Pelanggan untuk membayar apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini merupakan pelanggaran asas yang memberi hak kepada VOLVO TRUCKS untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta.
- 6.6 Sekiranya Perjanjian ini tamat atau ditamatkan, yang berikut hendaklah terpakai selepas tarikh tamat tempoh atau penamatan:
  - i. Penamatan Perjanjian ini, walau bagaimana sekali pun terjadi adalah tanpa prasangka terhadap hak, kewajipan dan liabiliti yang terakru oleh sama ada Pelanggan atau VOLVO TRUCKS sebelum penamatan tersebut. Syarat yang secara tersurat atau tersirat mampu memberikan kesan selepas penamatan akan terus terpakai tanpa mengira penamatan yang berlaku;
  - ii. Setelah penamatan Perjanjian ini, atas apa-apa juga sebab sekali pun, Pelanggan tidak berhak untuk mendapat pembayaran balik apa-apa jumlah yang telah dibayar di bawah Perjanjian ini dan Pelanggan hendaklah dengan segera membayar kepada VOLVO TRUCKS apa-apa jumlah yang terakru yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini;

**Nombor Pelanggan:** [padam jika tidak diperlukan]

**Nombor Kontrak:** [padam jika tidak diperlukan]

- iii. Walau bagaimanapun, VOLVO TRUCKS hendaklah memberikan pampasan kepada Pelanggan dalam kes Perjanjian prabayar untuk tempoh masa yang tetap jika VOLVO TRUCKS mengurangkan ruang lingkup Perkhidmatan semasa tempoh masa tersebut secara material. Pampasan dalam kes sedemikian hendaklah sepadan dengan pengurangan penggunaan Perkhidmatan semasa baki tempoh dan tidak termasuk apa-apa pampasan lain kepada Pelanggan, seperti kos, perbelanjaan dan kerosakan untuk kerugian perniagaan, dan kehilangan keuntungan.

## **7 Tanggungjawab dan obligasi am Pelanggan**

- 7.1 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa setiap pekerja atau individu lain yang mengendalikan Kenderaan, atau menggunakan Perkhidmatan ini, mematuhi Perjanjian ini dan apa-apa arahan dan saranan yang dinyatakan pada terma penggunaan Perkhidmatan ini dan dalam garis panduan pengguna VOLVO TRUCKS berhubung Perkhidmatan ini.
- 7.2 Pelanggan menjamin bahawa beliau memiliki atau mempunyai hak pelupusan Kenderaan berkenaan.
- 7.3 Perkhidmatan ini hanya akan disediakan oleh VOLVO TRUCKS bagi Kenderaan jika pembayaran untuk Perkhidmatan ini telah diterima oleh VOLVO TRUCKS menurut Perjanjian ini dan jika Pelanggan telah memperoleh semua peralatan dan perisian yang diperlukan untuk menggunakan Perkhidmatan ini.
- 7.4 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Kenderaan dilengkapi dengan sistem dan perkakasan yang mungkin diperlukan untuk Perkhidmatan. Sekiranya terdapat keraguan, pengedar Volvo yang sah boleh menyediakan sistem yang diperlukan.

## **8 Pengehadan liabiliti**

- 8.1 Peruntukan yang berikut dalam Artikel ini mencerminkan ruang lingkup Perjanjian dan harga untuk Perkhidmatan ini.
- 8.2 Jumlah liabiliti maksimum VOLVO TRUCKS di bawah Perjanjian ini untuk tuntutan yang timbul pada setiap suku tahun mengikut kalender (sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian, statut, pemulihan, atau sebaliknya) tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah yang dibayar di bawah Perjanjian ini pada suku tahun mengikut kalender yang tuntutan berkenaan timbul.
- 8.3 VOLVO TRUCKS tidak akan bertanggungjawab (sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian, statut atau sebaliknya) untuk apa-apa kehilangan keuntungan, kerugian perniagaan, masa pengurusan yang terbuang atau kos penyusunan semula atau pemulihan data, tidak kira sama ada kerugian tersebut berpunca secara langsung atau tidak langsung dan sama ada VOLVO TRUCKS tahu tentang sama ada mungkin atau tidak mungkin berlaku apa-apa kerugian yang terhasil atau tidak langsung.
- 8.4 VOLVO TRUCKS dengan ini mengecualikan setakat yang diizinkan sepenuhnya oleh undang-undang, semua syarat, waranti dan ketentuan, yang tersurat (selain daripada yang dinyatakan dalam Perjanjian ini) atau tersirat, berkanun, yang lazim atau sebaliknya yang, melainkan pengecualian tersebut, akan atau mungkin memihak kepada Pelanggan.

Nombor Pelanggan: [padam jika tidak diperlukan]

Nombor Kontrak: [padam jika tidak diperlukan]

## **9 Force Majeure**

- 9.1 VOLVO TRUCKS tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kegagalan atau kelewatan atau akibat daripada apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan Perkhidmatan, jika disebabkan oleh apa-apa peristiwa di luar kawalan dan pertimbangan VOLVO TRUCKS yang munasabah termasuk, tanpa had, penyedia perkhidmatan pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengendali rangkaian data mudah alih), bencana alam, pererangan, pertikaian perindustrian, protes, kebakaran, ribut kencang, letusan, tindakan ke ganas dan keadaan darurat nasional dan VOLVO TRUCKS akan berhak mendapat lanjutan tempoh yang munasabah untuk melaksanakan obligasi tersebut.

## **10 Notis**

- 10.1 Apa-apa notis untuk penamatkan Perjanjian ini oleh VOLVO TRUCKS akan dihantar ke alamat e-mel Pelanggan yang didaftarkan pada Volvo Connect.
- 10.2 Apa-apa notis lain daripada VOLVO TRUCKS berkaitan Perjanjian ini akan disifatkan sebagai dianggap telah diserahkan dengan sewajarnya apabila diterbitkan pada Volvo Connect.

## **11 Pelbagai**

- 11.1 Lampiran 1 mengandungi Perjanjian Lesen Pengguna Akhir (EULA) daripada pembekal pihak ketiga Perkhidmatan. EULA ini mengandungi terma penting berhubung dengan penyediaan Perkhidmatan.
- 11.2 Masa untuk melaksanakan semua obligasi VOLVO TRUCKS bukanlah perkara penting.
- 11.3 Jika mana-mana syarat atau bahagian Perjanjian ini didapati oleh mana-mana mahkamah, tribunal, badan pentadbiran atau pihak berkuasa berwibawa sesebuah bidang kuasa, sebagai melanggar undang-undang, tidak sah, atau tidak boleh dikuatkuasakan, maka peruntukan tersebut akan, setakat yang diperlukan, diasingkan daripada Perjanjian ini dan tidak akan terpakai, tanpa, setakat yang boleh, mengubah suai mana-mana peruntukan atau bahagian lain dalam Perjanjian ini dan hal ini tidak akan menjelaskan mana-mana peruntukan lain dalam Perjanjian ini yang akan terus berkuat kuasa dan terpakai sepenuhnya.
- 11.4 Tiada kegagalan atau kelewatan oleh VOLVO TRUCKS untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa atau remedii akan berfungsi sebagai pengenepian untuk hak, kuasa atau remedii tersebut, demikian juga apa-apa pelaksanaan sebahagiannya tidak akan mengecualikan apa-apa pelaksanaan hal ini secara lanjut, atau apa-apa hak, kuasa atau remedii lain.
- 11.5 VOLVO TRUCKS boleh mengubah atau meminda terma dan syarat Perjanjian ini dengan memberi notis tiga bulan lebih awal kepada Pelanggan.
- 11.6 Perjanjian ini bersifat peribadi kepada Pelanggan yang tidak boleh menyerahkan hak, menugaskan, melesenkan, memberi amanah atau subkontrak semua atau mana-mana atau obligasinya di bawah Perjanjian ini tanpa mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada VOLVO TRUCKS.

**Nombor Pelanggan:** [padam jika tidak diperlukan]

**Nombor Kontrak:** [padam jika tidak diperlukan]

- 11.7 Perjanjian ini mengandungi semua syarat yang telah dipersetujui oleh VOLVO TRUCKS dan Pelanggan berhubung Perkhidmatan ini dan menggantikan apa-apa perjanjian, representasi atau persefahaman secara bertulis atau dalam bentuk lisan yang lebih awal antara pihak-pihak yang berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut.

## **12 Undang-undang yang berkuat kuasa dan penyelesaian pertikaian yang terpakai**

- 12.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Sweden, tanpa mengambil kira prinsip percanggahan undang-undangnya.
- 12.2 Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang berpunca daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini, atau pelanggaran, penamatkan atau ketaksahan Perjanjian ini, hendaklah pertama sekali dirujuk kepada Pengantaraan berlandaskan Peraturan Institut Pengantaraan Dewan Perdagangan Stockholm, melainkan salah satu pihak membantah. Jika salah satu pihak membantah Mediasi atau jika Mediasi ditamatkan, pertikaian ini hendaklah akhirnya diselesaikan melalui penimbangtaraan menurut Peraturan Institut Timbang Tara Dewan Perdagangan Stockholm. Prosiding timbang tara hendaklah diadakan dalam bahasa Inggeris. Tempat timbang tara ialah Gothenburg, Sweden. Walau bagaimanapun, VOLVO TRUCKS berhak menurut budi bicaranya meminta bantuan daripada mahkamah nasional tentang hal-hal berkaitan hak harta, seperti paten, tanda dagang dan rahsia perindustrian.

## **LAMPIRAN 1**

### **Perjanjian Lesen Pengguna Akhir ("EULA")**

#### **1 Peruntukan Pengenalan**

- 1.1 EULA ini hendaklah mentadbir perhubungan antara:

- i. Pelanggan atau orang yang diberi kuasa secara sah untuk menggunakan Kenderaan (selepas ini dirujuk sebagai **anda** atau **kamu**); dan
- ii. VOLVO TRUCKS (sebagai pemberi sublesen Perisian),

berkaitan penggunaan anda bagi the penyelesaian Navigasi (selepas ini dirujuk sebagai **Perisian**) dan cirinya yang khusus yang disediakan oleh **Sygic a. s.**, dengan pejabat berdaftar di Twin City C, Mlynské Nivy 16, 821 09 Bratislava – mestská časť Ružinov, the Slovak Republic, berdaftar dalam Daftar Komersial Mahkamah Daerah Bratislava I, bahagian: Sa, No. Fail 4893/B, No. Pengenalan 35 892 030 (selepas ini dirujuk sebagai **Sygic**)

**Nombor Pelanggan:** [padam jika tidak diperlukan]

**Nombor Kontrak:** [padam jika tidak diperlukan]

- 1.2 Perjanjian ini menetapkan syarat di mana anda berhak menggunakan Perisian yang dipasang pada peranti yang dibenamkan secara fizikal dan dipasangkan pada Kenderaan.

## **2 Kesimpulan EULA ini**

- 2.1 Anda menerima terma EULA ini dan menyatakan persetujuan anda untuk terikat dengan EULA ini dengan membeli Perkhidmatan.
- 2.2 Jika anda tidak bersetuju dengan kesemua terma EULA ini, anda tidak dibenarkan untuk menggunakan Perisian dan anda mesti memberitahu VOLVO TRUCKS tanpa bertangguh. VOLVO TRUCKS akan memastikan Perisian tidak tersedia atau menahpasang Perisian daripada peranti yang terpasang pada Kenderaan.
- 2.3 Anda tidak dibenarkan untuk menggunakan Perisian dan menerima EULA INI jika (i) anda bukan orang yang dewasa yang diperlukan untuk memeterai EULA ini secara sah EULA, atau (ii) anda orang yang dihalang daripada menggunakan Perisian di bawah undang-undang yang berkuat kuasa.
- 2.4 EULA INI telah dimeterai atas kelulusan Perjanjian Perkhidmatan Navigasi dalam Volvo Connect.

## **3 Penggunaan Perisian**

- 3.1 Untuk dapat menggunakan Perisian, Perisian hendaklah dipasangkan sebagai navigasi papan pemuka pada peranti yang dikonfigurasikan dengan betul yang dibenamkan dalam Kenderaan.
- 3.2 Anda dengan ini mengakui bahawa Perisian mengandungi dan akan digunakan secara bersama dengan pangkalan data peta digital DI SINI. Terma dan syarat penggunaan pangkalan data peta boleh didapati di laman web penyedia peta masing-masing. Terma perjanjian lesen pengguna akhir bagi penyedia peta masing-masing membentuk sebahagian daripada EULA ini setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang mentadbir EULA ini.
- 3.3 Untuk memastikan sesetengah fungsi Perisian ini berfungsi dengan betul, anda mungkin perlu mempunyai internet wayarles atau sambungan data didayakan pada peranti anda. Tetapan pada peranti yang Perisian terpasang padanya adalah tanggungjawab eksklusif anda. Anda hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk pembayaran sebarang yuran dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya.
- 3.4 Anda bersetuju dan mengakui bahawa anda memikul tanggungjawab sepenuhnya, secara eksklusif dan secara tunggal untuk penggunaan Perisian. Anda selanjutnya mengakui bahawa anda bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa semasa menggunakan Perisian.

## **4 Pemberian Sublesen**

- 4.1 Semua hak milik dan hak harta intelektual bagi dan untuk Perisian ini termasuk mana-mana bahagiannya (seperti pangkalan data peta) dimiliki dan kekal dimiliki oleh Sygic atau pembekalnya.
- 4.2 VOLVO TRUCKS memperoleh lesen daripada Sygic untuk mensublesenkan Perisian kepada pengguna akhir sehingga tahap yang diterangkan dalam Bahagian 4.3 di

Nombor Pelanggan: [padam jika tidak diperlukan]

Nombor Kontrak: [padam jika tidak diperlukan]

bawah ini.

- 4.3 VOLVO TRUCKS dengan ini memberi anda (i) sub-lesen tidak eksklusif dan tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan Perisian untuk kegunaan peribadi anda, tertakluk pada syarat yang dinyatakan di sini dan melainkan ini EULA ini menetapkan sebaliknya (ii) sublesen untuk menggunakan pangkalan data peta DI SINI dalam setakat yang dinyatakan dalam terma dan syarat lesen perjanjian dengan pembekal peta dan untuk tempoh yang dipersetujui. Selepas tamat tempoh itu, anda tidak lagi berhak untuk memperoleh sebarang kemas kini akan datang, melainkan anda membeli akses tambahan kepada pangkalan data peta melalui VOLVO TRUCKS.
- 4.4 Anda mungkin berhak untuk memperoleh naik taraf dan kemas kini Perisian yang akan datang. Tiada apa-apa dalam EULA ini merangkumi tuntutan anda yang sah untuk meminta apa-apa naik taraf dan kemas kini akan datang. Jika naik taraf dan kemas kini tersedia, mendapatkan naik taraf dan kemas kini sedemikian mungkin tertakluk kepada bayaran tambahan. Bagi mengelakkan daripada keraguan, istilah Perisian yang digunakan dalam EULA ini hendaklah termasuk Perisian yang dikemas kini dan/atau dinaik taraf, melainkan dinyatakan sebaliknya.

## 5 Pengehadan Sublesen

- 5.1 Perisian hanya boleh digunakan sebagai navigasi papan pemuka pada peranti yang terpasang pada Kenderaan. Anda boleh mendapatkan alat tambah tertentu dan/atau akses tambahan kepada pangkalan data peta melalui VOLVO TRUCKS.
- 5.2 Anda dengan ini mengaku janji bahawa Kenderaan hendaklah digunakan hanya oleh pemilik yang sah atau orang yang diberi kuasa oleh pemilik yang sah.
- 5.3 Perisian dan sebarang daripada bahagiannya (seperti sebagai pangkalan data peta) mungkin bertindak sebagai kegunaan peribadi dan bukan komersil sahaja. Anda tidak boleh mensublesenkan, menjual, menjual semula, menyewa, memajak, memindah milik, menyerahkan hak, berkongsi masa, mengeluarkan semula, menduplikasi, menyalin atau sebaliknya mengeksplotasi secara komersial atau menyediakan Perisian ini kepada mana-mana pihak ketiga, melainkan dibenarkan secara jelas oleh EULA ini.
- 5.4 Anda tidak boleh menyalin, mengedar, menterbalikkan kejuruteraan, mencipta versi terbitan Perisian atau karya derivatif berasaskan pada Perisian, analisis, nyah susun, nyahhimpun sesuatu kod sumber atau berusaha untuk mendapatkan kod sumber Perisian melainkan dibenarkan secara jelas oleh undang-undang yang berkuat kuasa.
- 5.5 Anda tidak boleh menggunakan Perisian dalam sebarang cara yang menyalahi undang-undang atau dalam sebarang cara yang mengganggu atau mengganggu integriti Perisian. Anda tidak boleh mengubah suai atau menyesuaikan Perisian, atau sebaliknya cuba mendapatkan akses kepada Perisian tanpa kebenaran.
- 5.6 Anda dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa VOLVO TRUCKS dengan ini memberi anda hak untuk menggunakan Perisian. Anda dengan ini mengakui bahawa Sygic boleh menggunakan langkah-langkah teknikal untuk melumpuhkan penggunaan selanjutnya salinan asal Perisian anda atau penduanya.

## 6 Ciri-ciri

- 6.1 Ciri Perisian bergantung pada cirinya .

**Nombor Pelanggan:** [padam jika tidak diperlukan]

**Nombor Kontrak:** [padam jika tidak diperlukan]

- 6.2 VOLVO TRUCKS tidak memberi sebarang waranti tentang ketepatan atau kesempurnaan pangkalan data peta yang mungkin terkandung dalam atau digunakan bersama-sama dengan Perisian, keadaan laluan atau kebolehgunaan laluan. Disebabkan oleh keadaan jalan, perjalanan masa, perubahan keadaan, sumber yang digunakan dan sifat pengumpulan data geografi yang komprehensif, sesetengah pengesyoran mungkin tidak tepat dan boleh menghasilkan keputusan yang salah.
- 6.3 Anda hendaklah sentiasa mematuhi peraturan yang berikut apabila menggunakan Perisian ini: Perisian ini tidak bertujuan untuk menggantikan maklumat yang diberikan di jalan raya, seperti arahan perjalanan, sekatan masa atau lorong, lampu isyarat dan papan tanda, arahan polis, dsb. Patuhi semua peraturan lalu lintas dan berhati-hati sewaktu memandu berdasarkan pertimbangan anda mengikut keadaan jalan raya. Sentiasa tumpukan perhatian pada pemanduan anda dengan memastikan pandangan fikiran anda tertumpu pada jalan raya. Jangan alihkan perhatian anda dengan menetapkan Perisian semasa memandu.

## **7 Liabiliti untuk Kecacatan**

- 7.1 VOLVO TRUCKS hendaklah bertanggungjawab untuk kecacatan (i) pada Perisian ini dan (ii) bagi naik taraf atau kemas kini Perisian ini.
- 7.2 VOLVO TRUCKS tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab sekali pun untuk apa-apa ketidakstabilan, ketidaksempurnaan atau kecacatan lain mana-mana pangkalan data peta yang digunakan bersama-sama dengan Perisian ini. Liabiliti sedemikian hendaklah ditadbir oleh terma dan syarat perjanjian lesen bagi penyedia peta masing-masing.
- 7.3 VOLVO TRUCKS tidak akan menanggung apa jua tanggungjawab sekali pun untuk input yang anda berikan. Input hendaklah termasuk khususnya, tetapi tidak secara eksklusif: pemilihan destinasi, laluan, pengelakan tol. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk ketepatan input seperti ini.
- 7.4 VOLVO TRUCKS tidak menjamin khususnya (tanpa had) bahawa Perisian atau hasil yang diberikan (i) akan memenuhi keperluan anda dan (ii) tidak akan terganggu, bebas ralat atau tersedia pada setiap masa.
- 7.5 VOLVO TRUCKS tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan prestasi Perisian yang berada di luar kawalan munasabahnya seperti isyarat GPS yang tidak mencukupi.
- 7.6 Anda mengakui bahawa disebabkan peningkatan berterusan produk perisiannya, VOLVO TRUCKS boleh memutuskan untuk berhenti untuk menyediakan sokongan teknikal bagi versi Perisian tertentu, hal ini boleh mengakibatkan versi Perisian khusus tersebut menjadi tidak lagi boleh saling beroperasi dengan perisian yang lain pada peranti anda. Dalam keadaan seperti ini VOLVO TRUCKS hendaklah memaklumkan anda lebih awal dan membolehkan anda untuk menaik taraf Perisian. Jika anda memutuskan untuk tidak menaik taraf Perisian kepada versi yang lebih baharu, VOLVO TRUCKS tidak akan bertanggungjawab sama sekali untuk saling kendali, kecacatan dan pincang fungsi perisian (termasuk Perisian) pada peranti anda.

Nombor Pelanggan: [padam jika tidak diperlukan]

Nombor Kontrak: [padam jika tidak diperlukan]

## **8 Liabiliti untuk Kerosakan**

- 8.1 VOLVO TRUCKS hendaklah hanya akan bertanggungjawab untuk kerosakan sekiranya terdapat kaitan kasual antara kerosakan dengan Perisian.

## **9 Tempoh dan Penamatan EULA**

- 9.1 EULA ini berkuat kuasa dari detik pemeteraiannya sebagaimana yang dinyatakan di bawah perkara yang  
2.4 di atas dan termeterai untuk tempoh yang tidak ditetapkan.
- 9.2 Anda boleh menamatkan EULA ini secara serta-merta pada bila-bila masa dengan memaklumkan pihak yang memberi Sublesen dan membenarkan VOLVO TRUCKS untuk menyahaktifkan atau menyahpasangkan Perisian daripada peranti yang terpasang pada Kenderaan.
- 9.3 EULA ini boleh ditamatkan oleh VOLVO TRUCKS dengan kesan serta-merta, jika anda secara ketara gagal untuk mematuhi mana- mana peruntukan dalam EULA ini. Notis tentang penamatan hendaklah dihantar ke alamat e-mel anda yang telah anda berikan. Notis penamatan akan berkuat kuasa pada saat penghantaranannya ke alamat e-mel atau pada saat VOLVO TRUCKS menerima balasan bahawa ia tidak dapat menyerahkan e-mel yang berkaitan yang mengandungi notis penamatan tersebut.
- 9.4 Jika anda secara ketara gagal untuk mematuhi mana- mana peruntukan dalam EULA ini, VOLVO TRUCKS berhak untuk menamatkan penggunaan Perisian anda dengan serta-merta.
- 9.5 Selepas penamatan EULA ini, anda mesti menghentikan kesemua penggunaan Perisian dan membenarkan pemberi Sublesen untuk menyahaktifkan atau menyahpasangkan Perisian daripada peranti yang terpasang dalam Kenderaan. Peruntukan EULA ini, yang berdasarkan sifatnya bertujuan untuk masih berfungsi selepas penamatan, akan kekal berfungsi selepas penamatan EULA ini (cth. peruntukan yang berkaitan dengan kerahsiaan, pengehadan lesen, liabiliti untuk kecacatan dan kerosakan, undang-undang yang mentadbir dan bidang kuasa).

## **10 Kerahsiaan**

- 10.1 Pada setiap waktu sepanjang tempoh EULA ini dan selepas itu, anda akan merahsiakan perkara sulit dan tidak mendedahkan, secara langsung atau secara tidak langsung, dan tidak akan menggunakan untuk manfaat anda atau mana-mana individu atau entiti yang lain sebarang maklumat sulit VOLVO TRUCKS, Sygic atau mana-mana pembekal data pihak ketiganya. Bagi tujuan maklumat sulit EULA ini bermaksud sebarang rahsia perdagangan atau maklumat sama ada bertulis, digital, lisan atau dalam bentuk yang lain yang unik atau sulit kepada VOLVO TRUCKS, Sygic atau pembekal data pihak ketiganya.

## **11 Undang-undang yang Mentadbir**

- 11.1 EULA ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Sweden. Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Kontrak bagi Jualan Barang Antarakongsi dikecualikan secara jelas.
- 11.2 Peraturan berkanun mengenai penggunaan undang-undang perlindungan pengguna

**Nombor Pelanggan:** [padam jika tidak diperlukan]

**Nombor Kontrak:** [padam jika tidak diperlukan]

nasional atau antarabangsa yang diwajibkan, kekal tidak terjejas.

## **12 Pelbagai**

- 12.1 Jika mana-mana peruntukan EULA ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua aspek, peruntukan itu setakat yang dibenarkan oleh undang-undang akan dikeluarkan daripada EULA ini dan tidak akan menjelaskan peruntukan yang selebihnya dalam perjanjian ini, dan pihak-pihak yang berkaitan bersetuju untuk menggantikan peruntukan tersebut dengan peruntukan yang sah yang paling hampir dengan niat dan kesan ekonomi peruntukan yang dikeluarkan itu.
- 12.2 Anda tidak boleh memindah milik sublesen ini atau menyerahkan hak yang berpunca daripada EULA ini kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis VOLVO TRUCKS terlebih dahulu.
- 12.3 EULA ini membentuk keseluruhan perjanjian antara VOLVO TRUCKS dengan anda berkaitan perkara yang dinyatakan dalam dokumen ini, dan menggantikan secara keseluruhannya mana-mana dan kesemua perjanjian bertulis atau lisan yang ada sebelum ini antara VOLVO TRUCKS dengan anda berkenaan dengan perkara berkenaan .
- 12.4 Apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam menguatkuasakan mana-mana hak atau remedii di bawah EULA ini tidak akan merangkumi penepian hak atau remedii atau apa-apa pelaksanaan hak atau remedii seperti ini pada masa hadapan.